

BAB 9 : KONSEP PEMANASAN GLOBAL

Pengenalan

- Pemanasan global ialah peningkatan suhu atmosfera yang berlaku akibat peningkatan aktiviti manusia seperti aktiviti perindustrian, pembakaran bahan api fosil dan aktiviti penyahhutan.
-
- Pemanasan semula jadi bumi biasanya berlaku dalam tempoh 10,000 tahun
- Namun kini, perubahan iklim ini berlaku dalam tempoh masa yang singkat iaitu dalam masa 100 tahun
- Peningkatan suhu global ini menyebabkan suhu bumi meningkat sebanyak 2°C

Mengapa pemanasan global boleh berlaku?

- Peningkatan jumlah karbon dioksida di dalam udara
- 98% punca pelepasan karbon dioksida adalah disebabkan peningkatan **penggunaan bahan bakar fosil** iaitu minyak petrol
- Penggunaan bahan api ini menyebabkan 30% pelepasan karbon dioksida di udara
- Aktiviti pertanian yang menggunakan baja kimia dan racun serangga menyebabkan bahan ini terbebas ke udara.
- Petempatan dan pertumbuhan manusia juga telah menyebabkan **sumber hutan ditebang** bagi pelbagai tujuan seperti pembalakan, petempatan dan pertanian
- Ini menyebabkan kekurangan tumbuhan yang boleh digunakan untuk mengimbangi kadar karbon dioksida di udara
- Selain itu, terdapat juga faktor semula jadi seperti letusan gunung berapi
- Kebakaran hutan akibat peningkatan suhu juga terjadi kerana pancaran matahari yang berlebihan



Peningkatan aras laut

- Peningkatan aras laut berlaku apabila glasier di kawasan kutub cair akibat peningkatan suhu sedunia



Kemerosotan sumber makanan

- Sesetengah kawasan berubah menjadi gersang dan tandus menyebabkan aktiviti pertanian tidak dapat dijalankan



Gangguan cuaca

- Perubahan suhu juga menyebabkan gangguan cuaca seperti banjir besar, siklon dan kemarau yang panjang



Masalah kesihatan

- Perubahan cuaca menyebabkan sesetengah kawasan mengalami masalah jangkitan penyakit seperti zika, cirit birit, taun dan sebagainya

Amalan 5R

- Menanam pokok
- Amalan berkongsi kenderaan
- Menggalakkan penggunaan kenderaan awam
- Amalan kitar semula
- Kempen bebas plastik

Kerjasama antarabangsa

Negara-negara di dunia perlu mengamalkan kerjasama serantau bagi mengurangkan pembebasan gas rumah hijau

Protokol Kyoto 1997 telah ditandatangani dan dipersetujui oleh 141 buah negara dalam usaha menangani masalah perubahan suhu global

